

11/02/1998

Pameran bergerak MDC jelas konsep, matlamat MSC

PERBADANAN Pembangunan Multimedia (MDC) akan menjelajah ke seluruh negara untuk memberi penerangan tentang projek Koridor Raya Multimedia (MSC), kata Pengarah Perkhidmatan Pelanggan MDC, Dr Muhammad Ghazie Ismail.

Beliau yang mengakui pengetahuan orang ramai mengenai MSC masih rendah berkata, MDC akan menghubungi syarikat tempatan bagi meminta kerjasama mereka menjayakan projek itu.

Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC akan turut membantu meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai MSC.

"Mesyuarat IAP akan memberi banyak publisiti kepada MSC," katanya di pejabat sementara MDC di Cyberjaya, Dengkil, Selangor, baru-baru.

Ramai anggota IAP akan mengadakan seminar dan perbincangan pada mesyuarat itu dan ini akan menarik minat orang ramai.

Bagi ramai rakyat Malaysia MSC masih berbentuk konsep walaupun dengan usaha melalui iklan dan kempen mendidik mereka, dan hakikat 80 syarikat telah beroperasi dengan status MSC.

"Adalah penting menyedarkan orang ramai bahawa MSC bukan lagi satu konsep. Ia sekarang berjalan. Kita perlu menyampaikan mesej ini kepada rakyat," katanya.

MDC ialah agensi pemasaran yang mengendalikan pelaksanaan projek MSC yang dikhaskan untuk pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

Tokoh utama antarabangsa dalam teknologi maklumat dan dunia korporat akan menyertai mesyuarat IAP selama dua hari itu mulai esok yang akan dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Berbanding mesyuarat pertama IAP di Universiti Stanford tahun lalu yang hanya oleh syarikat komputer, mesyuarat kali ini akan turut disertai syarikat telekomunikasi, perisian, kandungan dan pembangunan, animasi, pos produksi dan syarikat filem.

"Sekiranya anda melihat keanggotaan IAP, kesemua mereka adalah pesaing dalam perniagaan. Untuk mendapatkan mereka datang berbincang isu bersama yang tersimpang daripada kepentingan syarikat mereka sudah tentu akan menyumbang kepada kepentingan global," katanya.

Mengenai kegawatan ekonomi sekarang, Dr Muhammad Ghazie berkata, MDC tidak menerima sebarang laporan syarikat dengan status MSC yang menghadapi masalah akibatnya.

"Buat masa ini tidak banyak maklum balas daripada syarikat MSC menghadapi masalah runcing," katanya.

(END)